**Cara-cara Penyertaan**

- Beli sebarang produk barangan MAGGI sebagai Bukti Pembelian.
- Lebih banyak pembelian lebih banyak peluang untuk anda menang (Rujuk Jadual Bukti Pembelian).
- **Bulatkan dengan jelas 5 (lima) perbezaan tidak termasuk contoh pada gambar (B) dibandingkan dengan gambar asli (A) dibawah.**
- **Berikan jawapan untuk soalan 1.**
- Lengkapkan borang penyertaan ini. Sertakan **1 (satu) Bukti Pembelian** dan hantarkan pada alamat berikut:

**MAGGI SAJIAN KEBAHAGIAAN KAAMATAN**
P.O. Box 8825 Pejabat Pos Kelana Jaya,
46780 Petaling Jaya, Selangor

**Bulatkan dengan jelas 5 (lima) perbezaan tidak termasuk contoh pada gambar (B) dibandingkan dengan gambar asli (A) dibawah.**







## Soalan 1:

Pesta Kaamatan akan disambut pada 30 dan 31 Mei 2011.

A: Betul B: Salah _____________

**Jadual Bukti Pembelian**

| Produk-produk MAGGI | Bukti Pembelian | Nombor Bersiri |
|---|---|---|
| MAGGI Mi 2 Minit - Semua Variasi | 2x Paket | 1 |
| MAGGI Tastylite™ - Semua Variasi | 2x Paket | |
| MAGGI Mi Goreng - Semua Variasi | 2x Paket | |
| MAGGI CUKUPRASA (10g) | 2x Paket | |
| MAGGI NASI GORENG - Semua Variasi | 2x Paket | |
| MAGGI KREATIF™ Sos Masakan (25g) | 2x Paket | |
| Perencah MAGGI - Semua Variasi | Paket | |
| MAGGI Bubur Nasi - Semua Variasi | Paket | |
| MAGGI HARI-HARI FAVOURITE™ - Semua Variasi | Paket | |
| Sup MAGGI - Semua Variasi | Paket | |
| MAGGI Perencah Sos Spaghetti | Paket | |
| MAGGI CUKUPRASA™ - (100g) | Paket | |
| MAGGI Seasoning (100ml) | Paket | |
| MAGGI Hot Cup - Semua Variasi | Penutup Atas | |
| MAGGI XTRA DELICIOUS Cup - Semua Variasi | Penutup Atas | |
| MAGGI XTRA DELICIOUS Bowl - Semua Variasi | Penutup Atas | |
| MAGGI Kiub Pati (120g) - Semua Variasi | Pek Luar | |
| MAGGI Mini Snek - Semua Variasi | Pek Luar | |
| MAGGI Sos Cili Bawang Putih (305g) | Label | |
| MAGGI Sos Cili (340g) | Label | |
| MAGGI Sos Cili Pedas (320g) | Label | |
| MAGGI Sos Cili Thai (350g) | Label | |
| MAGGI Sos Tomato (325g) | Label | |
| MAGGI Serbuk Ayam (120g) | Label | 2 |
| MAGGI Serbuk Ikan Bilis (120g) | Label | |
| MAGGI Sos Tiram | Label | |
| MAGGI Sos Cili Thai (525g) | Label | |
| MAGGI Seasoning (200ml) | Label | |
| MAGGI Stock Ayam Pekat (250g) | Label | |
| MAGGI Serbuk Belacan (120g) | Label | |
| MAGGI Kiub Pati Ayam (120g) | Pek Luar | |
| MAGGI CUKUPRASA™ (300g) | Paket | 3 |
| MAGGI Seasoning (400ml) | Label | |



Paket Pek Luar Penutup Atas Label

**Maklumat Peribadi:**

Nama (Seperti dalam K/P): ______________________________

______________________________

Nombor K/P (Baru): ______________________________

Alamat: ______________________________

______________________________

Poskod: ______________ Negeri: ______________

Tel. (Rumah): ______________ Tel. (Pejabat): ______________

Tel. (Bimbit): ______________ Emel: ______________

**Syarat-syarat & Peraturan-peraturan Peraduan**

**Penganjur & Kelayakan**

1 PERADUAN MAGGI SAJIAN KEBAHAGIAAN KAAMATAN ["Peraduan"] ini dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] ["Penganjur"] dan terbuka kepada semua penduduk Malaysia yang menetap di Sabah, yang berusia 18 tahun ke atas pada 01/04/2011.

2 Golongan individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:
(a) Kakitangan pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik- beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
(b) Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau promosi pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

**Tempoh**

1 Peraduan ini akan berlangsung dari 01/04/2011 ke 30/06/2011 ["Tempoh Peraduan"]. Pihak Penganjur berhak untuk membuat pindaan ke atas Tempoh Peraduan pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan.

**Penyertaan Borang & Kriteria Kelayakan**

1 Setiap pembelian produk MAGGI melayakkan anda untuk menyertai Peraduan ini. Sila rujuk kepada Jadual Bukti Pembelian ["Jadual BP"] di belakang borang penyertaan untuk senarai produk MAGGI yang turut serta dan peruntukan nombor bersiri.

2 Setiap penyertaan yang dihantar mesti diisi secara individu dan original, lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki, (penyertaan dengan alamat Peti Surat Berdaftar adalah dibenarkan), jawapan yang betul untuk Peraduan ini, seperti yang tertera pada borang penyertaan dan mesti disertakan dengan Bukti Pembelian yang dikehendaki. Borang penyertaan yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau tidak tepat, penyertaan dengan jawapan yang salah, penyertaan dengan Bukti Pembelian yang salah dan/atau rosak akan dibatalkan.

3 Setiap peserta layak/berhak menghantar lebih daripada 1 [satu] borang penyertaan tetapi setiap borang penyertaan mesti disertakan dengan 1 [satu] Bukti Pembelian yang dikehendaki di dalam 1 [satu] sampul surat. Sampul surat yang mengandungi borang penyertaan dan/atau Bukti Pembelian berganda akan dibatalkan.

4 Salinan fotostat borang penyertaan diterima, dengan syarat setiap borang penyertaan mesti diisi secara individu dan original. Setiap borang penyertaan mesti dikirim/dihantar menerusi pos biasa ke alamat yang dinyatakan. Setiap borang penyertaan yang diterima melalui khidmat penghantaran, perkhidmatan kurier, POS Laju dan/atau lain-lain bentuk penghantaran akan terbatal secara automatik. Bukti pos borang penyertaan tidak dianggap sebagai bukti penerimaan oleh pihak Penganjur.

5 Setiap borang penyertaan layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan akan diperuntukkan bilangan nombor bersiri seperti mana dinyatakan dalam Jadual BP.

**Hadiah- Hadiah**

1. Terdapat sejumlah 103 hadiah untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.

2. Pemilihan pemenang - pemenang akan dilakukan menerusi 2 [dua] peringkat. Peringkat pertama, jumlah nombor bersiri untuk penyertaan yang betul sepanjang Tempoh Peraduan akan dibahagikan dengan 100 untuk memperolehi Nombor Bersiri Pemenang bagi hadiah – hadiah saguhati . Peringkat kedua, jumlah nombor bersiri yang sama akan dibahagikan sekali lagi dengan 3 untuk memperolehi Nombor Bersiri Pemenang bagi hadiah – hadiah utama. Nombor Bersiri Pemenang ialah nombor bulat terdekat lebih rendah yang diperolehi daripada pembahagian tersebut
Contohnya: Sekiranya jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan ialah 10,000, maka, pada peringkat pertama jumlahnya akan dibahagikan dengan 100 untuk memperolehi Nombor Bersiri Pemenang. Pemenang-pemenangnya adalah penyertaan dengan nombor bersiri 100,200,300,400 dan seterusnya ["Nombor Bersiri Pemenang"] yang akan memenangi hadiah saguhati berupa Maggi Hamper bernilai RM100. Pada peringkat kedua, jumlah nombor bersiri yang sama akan dibahagikan dengan 3 untuk memperolehi Nombor Bersiri Pemenang bagi hadiah – hadiah utama. Nombor Bersiri Pemenang pertama [3333] akan memenangi hadiah ketiga berupa Motorsikal Modenas bernilai RM5,000, Nombor Bersiri Pemenang Kedua [6666] akan memenangi hadiah kedua berupa Proton Saga 1.3MT bernilai RM34,000, dan Nombor Bersiri Pemenang ketiga [9999] akan memenangi hadiah pertama berupa Proton Exora 1.6MT BL berharga RM60,000

5 Setiap peserta hanya boleh memenangi 1 [satu] hadiah sahaja. Sekiranya seseorang peserta memenangi 2 [dua] atau lebih hadiah yang berbeza nilainya, hadiah yang bernilai lebih rendah akan dimenangi oleh nombor bersiri yang lebih tinggi seterusnya dalam turutan Nombor Bersiri Kemenangan.

6 Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab jika pemberitahuan pos kepada pemenang tidak diterima atau lewat diterima atau pemenang tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab. Senarai pemenang akan diumumkan di surat khabar utama dan laman web pihak Penganjur [www.maggi.com.my dan www.nestle.com.my].

7 Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masa, tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya.

**Liabiliti & Tanggungjawab**

1 Peserta dan pemenang akan bertanggungjawab sepenuhnya dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang kerugian, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kematian] kerana mengambil bahagian dalam Peraduan serta semasa menebus dan/atau menggunakan hadiah dan bersetuju bahawa Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti dan melepaskannya daripada sebarang tanggungan.

2 Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai Peraduan dan menuntut hadiah adalah tanggungjawab tunggal peserta-peserta dan pemenang-pemenang sepenuhnya.

**Hak-hak Penganjur**

1 Pihak Penganjur berhak menggunakan nama dan/atau gambar pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau perdagangan dan/atau publisiti, tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada pemenang dan pemenang tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.

**Terma & Syarat**

1 Keputusan pengadil adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayani.

2 Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk terikat dengan Syarat dan Peraturan Peraduan, serta keputusan pihak Penganjur.